

InfoINDUSTRI

Isu 10 | 15 Oktober 2012



Gabenor Jeneral Australia Melawat Kampong Ayer

Puan Yang Terutama Quentin Bryce, Gabenor Jeneral Australia, dengan suaminya, Michael Bryce, telah mengadakan lawatan ke Kampong Ayer pada 3 Oktober 2012.

Sejurus tiba di Waterfront BSB di tengah-tengah ibu kota, Puan Yang Terutama Bryce telah dialu-alukan dengan paluan Hadrah (tanda mengalu-alukan dan menghormati tetamu khas) serta menyambut tetamu lelaki dan wanita yang lengkap dengan pakaian tradisional Brunei dan diberikan Bunga Telur emas.

Berada di sana bagi menyambut beliau serta suami ialah Menteri Perindustrian dan

Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pehin Datu Lailaraja Major General (B) Dato Paduka Seri Haji Awg Halbi bin Haji Mohd Yussof; dan Menteri Perhubungan, Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awg Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, selaku Menteri Pengiring.

Puan Yang Terutama Bryce kemudiannya dibawa menaiki bot menyusuri sepanjang Sungai Brunei, diikuti dengan lawatan ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan

Gabenor Jeneral Australia Melawat Kampong Ayer

Minyak Wangi Bebas Alkohol Perancis dilancarkan!

Lindungi Hidupan Liar Melalui Fotografi

Menyewa Tanah... untuk Beras!

Puan Yang Terutama Bryce telah dibawa menaiki bot menyusuri sepanjang Sungai Brunei, diikuti dengan lawatan ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, dan kediaman Penghulu di Mukim Tamoi.



... bersambung ke muka surat 2



Gabenor Jeneral Australia Melawat Kampong Ayer

dari muka surat 1 ...

Kampong Ayer. Di Galeri Kampong Ayer, beliau mengambil peluang melihat keseluruhan pemaparan di dewan galeri dan telah diberi taklimat mengenai evolusi Negara Brunei Darussalam dari abad ke-10 sehingga hari ini, serta perkembangan ekonomi dan sosial terkini.

Beliau juga berpeluang untuk menyaksikan pembuatan kraf tangan terkenal Brunei, Kain Tenunan. Gabenor Jeneral Australia kemudiannya menandatangani buku pelawat dan juga menerima cenderamata dari galeri, yang disampaikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Lawatan beliau berakhir dengan kunjungan ke kediaman Penghulu Mukim Tamoi. Turut hadir semasa lawatan tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Todd Mercer bersama ahli-ahli delegasi Australia yang lain serta Setiausaha Tetap dan Pegawai Kanan Kerajaan.

Minyak Wangi **Bebas Alkohol** Perancis dilancarkan!

Raviseine, satu jenama minyak wangi Perancis yang agak baru, telah melancarkan rangkaian minyak wangi di Secret Recipe, The Mall, Gadong pada 15 Oktober 2012. Sebanyak 12 jenis wangian telah dipaparkan, enam untuk lelaki dan enam untuk wanita. Minyak wangi tersebut, dianggap Halal kerana tidak mengandungi alkohol, paraben atau mana-mana juzuk haiwan yang diperolehi semasa pembuatan mereka, bertujuan untuk menghasilkan 'keharmonian menyeronkkan antara keanggunan Timur dan kemodenan Barat', membawa pengguna dalam suatu perjalanan olfaktori dengan koleksi 'Sensorial Journey' - yang datang dalam wangian menarik seperti berkayu, eksotik, pedas, oriental, lautan, segar dan haruman bunga (floral).

Hadir selaku tetamu kehormat untuk merasmikan pelancaran minyak wangi mewah tersebut ialah Yang Mulia Dyg Hajah Hasnah bte Ibrahim, Timbalan Setiausaha



Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) di KPSSU. Turut hadir di acara ini ialah Awg Julian Wee, Rakan Kongsi Urusan Wangian dan Kosmetik Paloma; Tuan Yang Terutama Louis Le Vert, Duta Perancis ke Negara Brunei Darussalam; dan Awg Farrukh Raza, Pengarah Komersial / Co-pengasas Raviseine.

Dalam ucapan beliau, Yang Mulia Dyg Hajah Hasnah berkata bahawa Negara Brunei Darussalam sangat berbesar hati kerana telah dipilih sebagai negara pertama di rantau Asia Tenggara untuk menikmati minyak wangi bebas alkohol Raviseine. Beliau menambah bahawa orang ramai telah bertanya tentang minyak wangi tanpa alkohol dan berharap Raviseine akan menjadi jenama nombor satu jualan di Negara Brunei Darussalam. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada pemilik Raviseine kerana membuat perubahan dengan membawa masuk ke pasaran Brunei, produk yang boleh digunakan oleh umat Islam di negara ini.

Semasa pelancaran, Awg Farrukh Raza menjelaskan bahawa wawasan Raviseine adalah untuk menghasilkan minyak wangi dan kosmetik yang diiktiraf di peringkat global, dan menjadi satu jenama minyak wangi antarabangsa yang terkemuka. Minyak wangi yang datang dalam botol kaca berkabut 8 ml dengan dispenser metalik roll-on, boleh didapati di Paloma Perfumes and Cosmetics di The Mall, Gadong.

“ Pasaran bagi produk Halal meningkat dengan pertumbuhan penduduk Islam global dan ekonomi negara-negara Islam. Oleh itu, terdapat potensi besar bagi produk Halal untuk menembusi pasaran Islam yang meluas ini. Banyak negara, termasuk Negara Brunei Darussalam, telah mengambil inisiatif untuk memanfaatkan potensi pertumbuhan ini. ”

Yang Mulia Dyg Hjh Hasnah bte Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) di KPSSU



Lindungi Hidupan Liar Melalui Fotografi



Ceramah bertajuk 'Wildlife in Asia – Stills and Motion: Empowering Environment/Wildlife Conservation and Education through Photography' telah diadakan pada 9 Oktober 2012 dari pukul 2 hingga 5 petang di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU.

Ceramah anjuran Green Brunei dengan sokongan dari Pusat Nadi Borneo, KPSSU, dan ditaja oleh HSBC Brunei itu menampilkan jurugambar hidupan liar antarabangsa yang memenangi anugerah, Awg C.S. Ling dan Awg Ethan Lim dari

Life List Chase, Singapura, yang berkongsi pengembaraan fotografi mereka yang menakjubkan dalam mendokumentasikan beberapa hidupan liar dunia yang paling indah dan terancam di Asia dan Borneo.

Gambar-gambar mereka menyatakan secara yang mendalam, menonjolkan keindahan dunia semula jadi dan meningkatkan kesedaran untuk haiwan terancam, memberi inspirasi kepada semua untuk membuat perubahan positif. Secara kolektif, dengan rentetan anugerah, pameran dan penerbitan terutamanya di majalah National Geographic Explorer dan BBC Wildlife (dalam talian), mereka berazam untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik, satu gambar pada satu masa.

Green Brunei adalah sebuah pertubuhan bukan keuntungan dan beroperasi menggunakan model perusahaan sosial. Green Brunei berharap untuk menjadi

komuniti hijau yang terbesar di Negara Brunei Darussalam, dengan matlamat untuk menyediakan bahan-bahan pendidikan hijau secara percuma, sumber hijau dan boleh persekitaran projek yang dimulakan oleh belia.

“ Ini adalah selaras dengan strategi komunikasi kebangsaan Nadi Borneo Brunei untuk meningkatkan kefahaman orang awam mengenai perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan sumber biodiversiti melalui pendidikan formal dan program kesedaran dengan menggabungkan penggunaan ICT. ”

Awg Mahmud bin Haji Yussof,
Timbalan Pengarah Perhutanan dan
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Interim
Pusat Nadi Borneo, Negara Brunei Darussalam

Menyewa Tanah... untuk Beras!



Majlis penandatanganan perjanjian penyewaan tanah bagi Projek Penanaman Padi di bawah kawalan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Dyg Hajah Aidah bte Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan. Pihak Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) Berhad diwakili oleh Lt. Kol. (B) Awg Haji Mohd Shahlan bin Hidup, Pengurus KOSEKA; Majlis Perundingan Mukim, Mukim Pengkalan Batu diwakili oleh Awg Haji Tahir bin Haji Tarip, Pengurus Majlis Perundingan Mukim; Majlis Perundingan Kampong, Kampong Bebuloh diwakili oleh Awg Haji

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Dyg Hajah Aidah bte Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan. Pihak Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) Berhad diwakili oleh Lt. Kol. (B) Awg Haji Mohd Shahlan bin Hidup, Pengurus KOSEKA; Majlis Perundingan Mukim, Mukim Pengkalan Batu diwakili oleh Awg Haji Tahir bin Haji Tarip, Pengurus Majlis Perundingan Mukim; Majlis Perundingan Kampong, Kampong Bebuloh diwakili oleh Awg Haji

Muhammad Sa'id bin Tundak, Pengurus Majlis Perundingan Kampong (Kampong Bebuloh); dan Majlis Perundingan Kampong, Kampong Wasan diwakili oleh Awg Mat Noor bin Ma'arof, Pengurus Majlis Perundingan Kampong (Kampong Wasan).

Hadir sama dan menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan di bawah KPSSU, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, serta pengusaha-pengusaha padi.

Diari KPSSU

OKT 02 Duta Jepun ke ASEAN buat Kunjungan Hormat

Tuan Yang Terutama Kimihiro Ishikane, Duta Jepun ke ASEAN, telah membuat kunjungan hormat kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada 2 Oktober 2012.



OKT 08 Kunjungan hormat dua Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pegawai Eksekutif WWF-Malaysia, Dato' Dionysius Sharma dan Ketua Pegawai Eksekutif WWF-Indonesia, Dr Efransyah, telah membuat kunjungan hormat kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada 8 Oktober 2012.



OKT 11 Tahniah!

Yang Berhormat Menteri, Yang Mulia Setiausaha Tetap, Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, dan Pegawai dan Kakitangan KPSSU dan Jabatan-Jabatan di bawahnya mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Kumpulan DCM berikut daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan memperolehi Anugerah Gangsa di Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke 19 Tahun 2012:

Dyg Hjh Rokiah bte Hj Omar, Dyg Nurhidayat bte DP Dr Awg Hj Ismail, Dyg Nurul Ehra Hayati bte Hj Mohd Hussin, Awg Rosemadi bin Hj Kurus, Dyg Rukiah bte Bair, Awg Has Dattul Amin bin Hj Mohd Tahir, Dyg Hafizah Nurhaziyah bte Abdullah, Dyg Rohana bte Join, Awg Abu Bakar bin Hj Mohd Yassin, Dyg Hjh Asmahwati bte Hj Hashim, and Awg Muhammad Azmi bin Hasni.



Tajuk projek 'Mempercepatkan Proses Data Hasil Pertanian dan Agrimakanan' diperolehi sebagai hasil keperluan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) untuk mencepatkan penerimaan data hasil pertanian dan agrimakanan; maklumat-maklumat tersebut digunakan sebagai rujukan penting terutama sekali bagi mengetahui tren pengeluaran hasil komoditi pertanian iaitu sebagai

indikasi amaran awal (early warning) berkaitan dengan penghasilan permakanan Negara. Antara faedah ketara dan tidak ketara projek ini adalah ianya akan dapat meningkatkan keberkesanan pembekalan maklumat yang bertepatan masa dan berkualiti melalui penyediaan carta aliran kerja yang lebih efisien serta penerbitan buku garispandu sebagai rujukan pihak yang terlibat dalam pengendalian data.